

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Wabak coronavirus baharu

Saringan awal di China sebelum naik pesawat

Maklumat anak kapal beri gambaran risiko:
Dr Wan Azizah

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Muhammad Yusri Muzamil
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan mahu semua penumpang dari China ke Malaysia dikenakan saringan awal sebelum menaiki pesawat ke negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata maklumat berkenaan yang boleh diperolehi oleh anak kapal akan memberi gambaran awal mengenai risiko apabila penumpang berkenaan meneruskan perjalanan ke Malaysia.

"Sebelum datang pun kita nak diperketatkan juga, dengan wakil MAHB (Penerbangan Malaysia), bahawa mereka sebelum *boarding* pun dibuatkan saringan, tanya soalan, apakah ada apa-apa yang membolehkan kita sedikit pengetahuan, apakah mereka berisiko terbang masuk ke negara kita.

"Daripada situ sudah kita buat saringan. (Kemudian) kawalan kemasukan di pintu masuk negara diperketatkan, termasuk semua penumpang penerbangan dari China termasuk warga Malaysia wajib melalui saringan kesihatan terperinci," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Penyelarasan Kluster Novel Coronavirus (2019-nCoV) petang semalam.



Dr Wan Azizah ketika sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Penyelarasan Kluster Novel Coronavirus (2019-nCoV) di Putrajaya, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

Menjawab soalan, katanya, kerajaan juga mempertimbangkan menghentikan sementara pengecualian visa yang diperuntukkan kepada pelancong dari China.

"Pihak China sudah mengambil tindakan melarang penerbangan keluar masuk dari Wuhan. Malah, syarikat penerbangan Air Asia juga sudah menghentikan penerbangan dari Wuhan selepas larangan (berkurang) itu.

"Kerajaan kini mengambil kira pandangan WHO iaitu belum sampai tahap untuk menyekat kedatangan pelancong dari China," katanya.

Dr Wan Azizah berkata, mesyuarat juga memutuskan beberapa cadangan termasuk kawalan kemasukan di pintu negara diperketatkan.

"Semua rakyat Malaysia yang melawat atau pulang bercuti dari Wuhan khususnya yang mengalami simptom, diminta untuk me-

laporkan diri segera ke hospital terdekat bagi pemeriksaan kesihatan," katanya.

Beliau berkata, mereka yang tidak mempunyai simptom pula dikehendaki memantau status kesihatan masing-masing dalam tempoh 14 hari.

Antara yang hadir pada mesyuarat itu adalah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Zulkifly Ahmad; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo; Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador; Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Indera Khairul Dzaimie Daud dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jeneral Tan Sri Affendi Buang.

Dr Wan Azizah berkata, mesyuarat sama juga menasihatkan semua rakyat Malaysia agar me-

nangani perjalanan ke Wuhan; mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (hand sanitizer) serta segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami simptom.

Pada masa sama, katanya, pihak berkuasa memberi amaran supaya semua pihak tidak mengambil peluang untuk menimbulkan ketidaktertaman dengan menyebarkan fitnah atau maklumat yang tidak pasti.

Beliau juga berkata, pada masa ini, situasi semasa kluster wabak Coronavirus baharu (2019-nCoV) di Malaysia adalah terkawal.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan juga bekerjasama rapat dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Kementerian Kesihatan negara-negara jiran berhubung kluster penyakit itu.

Pemeriksaan teliti diteruskan

Putrajaya: Kerajaan belum bercadang melarang kemasukan pelancong dari China termasuk dari wilayah Wuhan, tetapi menegaskan pemeriksaan teliti di pintu masuk akan diteruskan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata jangkitan coronavirus baharu dikenali sebagai 2019-nCoV di negara ini belum sampai ke tahap kritikal.

Beliau berkata, kebanyakan negara sudah mengambil langkah tertentu berikutan ia adalah situasi serius kerana virus itu tidak dikenali sebelum ini.

Katanya, kerajaan juga tidak

boleh menjangkakan bila wabak itu mencapai tahap kritikal, berikutan banyak negara mengalami masalah sama.

"Kita juga perlu melihat bila ia mencapai tahap kritikal. Namun, pada ketika ini, ia belum lagi pada tahap kritikal yang boleh menyebabkan kita perlu menghentikan pelancong.

"Namun, kita akan terus memeriksa pelancong, setiap kali ada tanda yang mereka dijangkiti," katanya pada sidang media selepas menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina 2020 anjuran Menteri Kewangan, Lim

Guan Eng dan persatuan-persatuan Cina Klang di Persatuan Hokkien Klang.

Dr Mahathir berkata, pemeriksaan yang dijalankan Kementerian Kesihatan membolehkan tiga pelancong yang dijangkiti di Johor dapat dikesan.

"Bagaimanapun, manifestasi penyakit ini sukar untuk dikesan. Persoalannya manusia mengembara dan dengan sangat pantas. Sebelum sempat kita mengesan pesakit sudah tiba di destinasi.

"Jadi, kita kena terima tidak mungkin kawalan sepenuhnya boleh dilakukan," katanya.

Menjawab desakan supaya pelancong China balik ke negara asal, Dr Mahathir berkata, proses menghantar balik juga akan menyebabkan mereka berhubung dengan orang lain.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengenakan tindakan kuarantin terhadap pelancong dari China atau negara yang sudah mencatatkan kes 2019-nCoV, Dr Mahathir berkata, jumlah kedatangan pelancong meningkat sehingga 2 juta, namun mereka tetap diperiksa dan diasingkan jika menunjukkan walaupun sedikit simptom penyakit berkenaan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Rakyat Malaysia dari Wuhan bebas virus

Kuala Lumpur: Seramai 87 rakyat Malaysia yang pulang dari Wuhan dan sekitar wilayah Hubei sempena cuti Tahun Baharu Cina, setakat semalam bebas jangkitan coronavirus (2019-nCoV).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata mereka yang pulang dari China menjalani saringan kesihatan di pintu masuk negara sebaik saja tiba dan diminta hadir ke klinik kesihatan jika mengalami gejala jangkitan.

"Setakat ini, tiada (jangkitan). Kes yang positif hanya empat membabitkan pelancong China," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Duta Malaysia ke China, Datuk Zainal Abidin memaklumkan, seramai 87 rakyat Malaysia yang didaftarkan menetap di bandar raya Wuhan dan sekitar wilayah Hubei meninggalkan kediaman masing-masing di negara itu untuk pulang ke kampung halaman.

Beliau memaklumkan, seramai 28 lagi rakyat Malaysia masih berada di Wuhan dan kini men-

jalani perintah berkurang susulan penularan coronavirus 2019-nCoV di bandar raya itu, selain turut mengesahkan, semua mereka masih bebas daripada jangkitan wabak itu.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye memaklumkan semua yang memasuki negara ini akan melalui proses imbasan terma dan jika didapati tidak sihat atau demam, mereka akan diasingkan serta ditempatkan di Pusat Kuarantin Kesihatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk tindakan lanjut.

Katanya, individu yang baru kembali dari China atau dalam tempoh 14 hari mengalami demam, selesema atau radang paru-paru dinasihat melakukan pemeriksaan lanjut dan pegawai kesihatan diarah peka dan mengambil tindakan sewajarnya bagi menangani situasi itu.

Ditanya sama ada Malaysia perlu melaksanakan langkah sa-



Pelancong menggunakan penutup hidung dan mulut sebagai langkah pencegahan ketika tiba di KLIA, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

ma seperti Amerika Syarikat (AS) yang bercadang membawa pulang kakitangan kedutaan dan rakyatnya dari Wuhan dengan pesawat khas, Dr Noor Hisham berkata, China sedang melaksanakan langkah kawalan dengan menutup 13 bandar, sekali gus me-

nghadkan pergerakan lebih 40 juta penduduk bandar itu.

"Sebarang perjalanan keluar masuk ke bandar itu tidak dibenarkan. Penerbangan AirAsia dan Malindo Air juga sudah membatalkan penerbangan mereka dari dan ke Wuhan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

Peroleh info sah melalui KKM

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan hanya mendapatkan maklumat terkini mengenai kes koronavirus baharu di Malaysia daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kementerian lain yang berkaitan melalui kenyataan yang dikeluarkan dalam media.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr N Ganabaskaran berkata, ia bagi mengelakkan orang ramai berkongsi maklumat tidak tepat yang boleh menimbulkan ketakutan dan panik.

"Nasihat daripada KKM mengenai langkah pencegahan perlu dipandang serius. Ini masa untuk semua pihak meletakkan kepercayaan

kepada kerajaan dalam mengendalikan situasi yang kompleks ini.

"Kami percaya isu ini dikendalikan dengan baik oleh KKM di bawah pimpinan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan kerajaan melakukan yang terbaik dengan mengambil langkah sewajarnya," katanya dalam kenyataan, semalam.

MMA turut menasihatkan penyedia penjagaan kesihatan termasuk doktor, ahli farmasi, jururawat, penolong pegawai perubatan dan kakitangan sokongan mematuhi piawaian kawalan jangkitan sedia ada bagi melindungi diri mereka ketika melaksanakan tugas.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

Dua rakyat Malaysia kena kuarantin

Kuala Lumpur: Empat individu yang positif coronavirus baharu berada dalam keadaan stabil dan dikuarantin di hospital.

Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dua daripadanya adalah rakyat Malaysia manakala dua lagi warga China ditempatkan dalam isolasi di hospital berasingan.

"Mereka ialah seorang lelaki warga China berusia 40 tahun, manakala tiga lagi wanita berusia 65 tahun dan dua kanak-kanak lelaki berusia dua dan 11 tahun.

"Keempat-empat mereka sedang dipantau dalam wad isolasi di hospital dan keputusan makmal akan diketahui dalam tempoh terdekat," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 23 kes *patient under investigation* (PUI) sejak 10 Januari lalu merangkumi seorang warga China yang didapati positif, serta 18 orang lagi termasuk 12 warga Malaysia, yang didapati negatif.

"Daripada 23 kes, 14 adalah warganegara Malaysia, lapan warga China

dan seorang warga Jordan. Lima kes negatif di mana empat orang sudah dihantar pulang ke China manakala seorang lagi menemani anak-anak beliau di hospital.

"Sementara itu, 17 orang kontak rapat kes positif keempat diletakkan di bawah Perintah Pemantauan dan Pengasingan di tempat yang disediakan sementara menunggu keputusan ujian yang dijalankan ke atas mereka," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, dalam

kejadian awal pagi kelmarin, polis membantu pihaknya mengesan seorang kanak-kanak yang dibawa keluar oleh keluarganya dari sebuah hospital di Johor tanpa kebenaran pihak hospital.

"Kanak-kanak berkenaan disyaki dijangkiti wabak itu dan sedang dirawat di hospital terbabit.

"Kes berjaya dibawa kembali ke hospital berkenaan dan kini berada dalam keadaan stabil dan masih menunggu keputusan makmal," katanya.

Rakyat kita diminta hubungi kedutaan

Putrajaya: Rakyat Malaysia di Wuhan, China diminta untuk menghubungi pejabat kedutaan atau konsulat berhampiran bagi membolehkan kerajaan memantau perkembangan mereka di negara berkenaan.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, tindakan itu bertujuan untuk mengenal pasti jumlah tepat rakyat Malaysia yang berada di China terutama di Wuhan.

"Kami sudah mengenal pasti 49 rakyat tempatan berada di Wuhan terdiri daripada pelajar dan golongan profesional.

"Proses evakuasi (membawa pulang) rakyat Malaysia di Wuhan ada dibincangkan dalam mesyuarat sebentar tadi, namun setakat ini tiada keperluan lagi untuk membawa mereka pulang,"

katanya selepas menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Kluster Koronavirus Baharu (2019 nCoV) di Pejabat Timbalan Perdana Menteri.

Sementara itu, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo memaklumkan kerajaan akan mengadakan sidang media setiap hari bagi mengemas kini keadaan berkaitan coronavirus.

Tak perlu hantar pulang pelancong

Putrajaya: Tiada keperluan untuk menghantar pulang pelancong dari China ekoran penerbangan keluar masuk dari Wuhan, China sudah disekat kerajaan republik itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, kerajaan China sudah mengeluarkan perintah berkurang bagi rakyatnya di Wuhan.

"Pihak China sudah mengambil tindakan menyekat penerbangan antarabangsa dan domestik dari Wuhan selain tidak membenarkan



Pihak China sudah mengambil tindakan menyekat penerbangan antarabangsa dan domestik dari Wuhan"

Dr Wan Azizah

pakaj pelancongan secara berkumpulan bagi warganegara ke luar negara bermula 23 Januari lalu.

"Malah, syarikat

penerbangan AirAsia sudah menghentikan penerbangan dari Wuhan selepas larangan (berkurang) itu," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Kluster Koronavirus Baharu, semalam.

Ditanya mengenai adakah visa dari China akan dihentikan seketika, Wan Azizah berkata, pihaknya sedang menimbangkan keperluan untuk mengurangkan visa dari negara itu.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan pihaknya

mengesahkan empat kes positif coronavirus di negara ini.

Sementara itu, mengulas kebimbangan orang ramai mengenai pelancong China yang sudah berada di Malaysia, Dr Wan Azizah berkata, kerajaan akan berbincang dengan Kedutaan China di Malaysia terutama membabitkan isu logistik.

"Kalau mereka ada simptom kita akan lihat seperti insiden yang berlaku di Johor apabila kita panggil polis untuk membantu dalam aspek kuarantin," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS CHINA

Empat kes positif koronavirus stabil dan dalam pemantauan

SHAH ALAM - Kesemua empat kes pesakit yang positif wabak koronavirus berada dalam keadaan stabil dan sedang dipantau di wad isolasi di hospital yang dikenal pasti sebagai hospital rujukan bagi wabak berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sejak 10 Januari lalu sehingga semalam, jumlah kumulatif kes pesakit di bawah pemantauan (PUI) jangkitan koronavirus adalah sebanyak 23 kes melibatkan 14 warganegara Malaysia, lapan China dan seorang rakyat Jordan.

Menurutnya, daripada jumlah PUI itu, terdapat hanya satu kes positif koronavirus iaitu seorang lelaki warganegara China berusia 40 tahun.

“Sementara itu, 18 kes PUI ada-

lah negatif (12 warganegara Malaysia, lima China dan satu Jordan) dan mereka telah discaj daripada hospital, manakala empat lagi kes PUI ini (dua warga Malaysia dan dua China) yang diletakkan dalam isolasi di beberapa hospital. Keputusan makmal mereka akan diketahui dalam tempoh terdekat,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, 17 orang kontak rapat kes positif keempat diletakkan di bawah Perintah Pemantauan dan Pengasingan di tempat yang disediakan sementara menunggu keputusan ujian ke atas mereka.

Mengambil kira situasi semasa, Kementerian Kesihatan terus meningkatkan langkah pencegahan dan kawalan wabak jangkitan koronavirus.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

Reports by HEMANANTHANI SIVANANDAM, WANI MUTHIAH, AUSTIN CAMOENS, IMRAN HILMY and N. TRISHA

No plans to bar China tourists

Outbreak not critical enough to stop tourism for now, says PM

KLANG: Malaysia has no plans just yet to bar the entry of Chinese tourists, including those from Wuhan, says Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad.

He said many countries were grappling with the novel coronavirus outbreak, but it had yet to reach a critical level here.

"We can't predict at the moment. Many countries are facing the problem."

"But for now, it is not yet critical to the point where we have to stop tourism," he said after attending a Chinese New Year event organised by Finance Minister Lim Guan Eng and Klang Chinese Chambers of Commerce and Industry at the Hokkien Association Hall here yesterday.

He was responding to journalists on whether Malaysia would follow the Philippines, which is sending back Chinese tourists from Wuhan, where the outbreak started.

Dr Mahathir said it was not easy to detect or stop those infected from entering the country, "so we have to accept that complete control is not possible".

He added that sending Chinese tourists back may not be feasible as they would come into contact with other people during the process.

"It is better to quarantine them first until they show no signs (of infection) and then send them back," he said.

He said Malaysia was currently ensuring that those infected with the virus were quarantined.

"We are isolating them and not allowing them to mix with other people. That is the first step but of course, other people must take preventative action as well," he said.

"This includes wearing masks in crowded places."

He also said it was not viable to immediately quarantine all Chinese nationals who arrive in Malaysia.

"Visitors from China sometimes amount to two million people. Where to keep them? In cowsheds?"

"Of course, it cannot be like that," said Dr Mahathir.

He added that Malaysian authorities would monitor tourists if they showed any sign of infection.

He said Malaysia was not familiar with novel coronavirus infections and prevention rather than treatment was a priority, as of now.

China's move to quarantine the 11 million people from Wuhan, although drastic, showed the determination of their government to control the disease, he added.

As for Malaysians who are in China, Dr Mahathir said they would be examined to ensure that they are not infected with the virus before they are allowed to return.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, who was also at the event, said necessary measures were being put in place to counter

the infection, which made its way through Singapore recently.

"We are increasing the number of thermal detection scanners (at the entry points)," he said, adding that Malaysia had to comply with World Health Organisation guidelines when making and implementing decisions.

But it was a challenge as people may generally come in without symptoms that develop much later, he noted.

"Anyhow, we will increase the number of all equipment and our paraphernalia to detect them."

"We are also having a meeting with the Home Ministry to see how we can intensify it further," said Dzulkefly.

He said there were now 51 thermal detection scanners at all entry points into Malaysia and that the Finance Ministry has given its commitment to provide the necessary funds to step up surveillance.

DPM: Situation under control, stay calm

PUTRAJAYA: Malaysians need not panic about the novel coronavirus in the country as it is under control, says the Deputy Prime Minister.

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail said the Health Ministry was working closely with the World Health Organisation and other neighbouring countries on the health crisis in China.

"This situation is under control, so don't panic," she told a press conference after chairing a high-level emergency novel coronavirus coordination meeting at her office here yesterday.

Also present were Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Communications and Multimedia Minister Gobind Singh Deo, Foreign Minister Datuk Saifuddin Abdullah, Deputy Tourism, Arts and Culture Minister Muhammad Bakhtiar Wan Chik, Health director general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, Inspector-General of Police Tan Sri Abdul Hamid Bador and Immigration director-general Datuk Seri Khairul Dzainee Daud.

"Malaysia has done well in handling (previous outbreaks such as) SARS, Nipah and Ebola. It shows that we have the capacity to take care of ourselves, but we need the cooperation of all Malaysians."

"Please do not spread statements or make things viral. It is important for all of us to take care of ourselves," Dr Wan Azizah said.

She advised all to maintain good personal hygiene and urged those with symptoms to go to hospital immediately for a check-up.

She said the Health Ministry had tabled a report on the steps taken to contain the spread of the coronavirus, including stringent screening at all entry points and activating operation centres at district, state and national levels.

Wisma Putra was also monitoring the 49 Malaysians in Wuhan who are mostly undergraduates and professionals, she added.



For more stories: See page 20

14 Malaysians under observation

PETALING JAYA: Fourteen Malaysians and nine foreigners have been classified as Patient-Under Investigation for the novel coronavirus, the Health Ministry revealed.

Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative cases between Jan 10 and 26 totalled 23. Of the nine foreigners, eight were Chinese nationals with the other a Jordanian.

Dr Noor Hisham said one case was positive for the virus - a 40-year-old man from China.


Eighteen other cases were negative, with 12 Malaysians, five China nationals and the Jordanian discharged from hospital.

He said the remaining four - two Malaysians and two China nationals - were in isolation at several hospitals pending laboratory test results.

The DG said of the eight China nationals who were in direct contact with the first positive case in Singapore, three tested positive for the virus - a 65-year-old woman and two children aged two and 11.

"The five negative cases have already been sent back to China," he added in a statement yesterday.

He said the four patients who tested positive were in stable condition at the isolation wards.



He also said 17 tourists who were in contact with the fourth positive case here had been placed under Observation and Isolation Orders while waiting for the test results.

Dr Noor Hisham said suspected cases would be checked and referred to hospital for sample taking and symptom observation.

"The cases will be monitored until the incubation period for the virus is over, which is about 14 days

from the day of exposure or departure from China.

"Anyone who does not follow the instructions given by authorities is liable to two years' jail or a fine or both under Section 24(a) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988," he added.

He said the ministry was working with police to track down suspected and confirmed cases so that they could be placed in isolation.

Two tourists in Langkawi showing signs of infection

LANGKAWI: Two young Chinese tourists suspected of having contracted the novel coronavirus, are being quarantined at Langkawi Hospital.

The sisters, aged two and four, had been on the island since Friday.

Kedah Health Committee chairman Datuk Dr Ismail Salleh said they flew in from the Kuala Lumpur International Airport with their parents.

"The temperature screening at the Langkawi Airport showed that the sisters had developed symptoms related to the virus."

"They are feverish. We are still waiting for the test results," he said.

He also said two hospitals - Langkawi Hospital and Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Setar - had been identified as the treatment centres for those suspected of being infected with the virus.

He said the state Health department had been told to conduct temperature screening on Chinese tourists at all checkpoints in Kedah.